

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan ‘Pelan Perlindungan Peribadi’. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang tercatat di dalam polisi).	Nama Penawar Khidmat Kewangan : UNITED OVERSEAS BANK (M) BERHAD Nama Produk : Pelan Perlindungan Peribadi Tarikh : 01/03/2024
--	---

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini menawarkan pampasan jika berlaku kecederaan, kecacatan atau kematian disebabkan semata-mata oleh keadaan dimana berlakunya perlakuan kejam, secara tidak sengaja, luaran dan dapat dilihat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan ke atas:

- Kematian atau Kecacatan Kekal
- Elaun Perjalanan
- Perbelanjaan Perubatan (termasuk rawatan tradisional / sinseh)
- Manfaat Pemulihan
- Perbelanjaan Pengebumian
- Pendapatan Elaun Harian hospital (sehari, sehingga 365 hari)
- Pembedahan Pembetulan Kosmetik atau Pergigian

Tempoh perlindungan ialah selama Satu Tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang anda perlu dibayar mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat insurans:

Pekerjaan	Premium(RM)		
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum
Kelas 1 & 2	63.00	115.00	207.00
Kelas 3	100.00	184.00	331.00

Nota : Amaun premium ini adalah sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	25%
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

5. Apakah terma dan syarat-syarat tertentu yang perlu diambil perhatian?

- Tanggungjawab untuk memberitahu** – anda dikehendaki memberitahu semua fakta dan maklumat seperti jenis pekerjaan dan maklumat peribadi, yang akan mempengaruhi profil risiko serta jumlah polisi kemalangan diri yang telah dibeli dari syarikat insurans yang lain.
- Perlindungan adalah hanya untuk kerugian akibat kemalangan seperti yang tertulis di dalam polisi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Risiko Peperangan.
- Bunuh Diri dan Hilang Akal.
- Kecederaan yang disengajakan.
- AIDS atau sebarang penyakit berkaitan dengannya atau menjalankan ujian darah yang berkaitan dengan HIV / AIDS
- Pembunuhan akibat kemarahan atau serangan.
- Aktiviti sukan yang berbahaya

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian dibawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan maklumat peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat?

Produk ini diedarkan oleh UOB.

Untuk mengetahui lebih lanjut, sila kunjungi UOB.my/Banca atau hubungi Pusat Perhubungan UOB 24 jam di **+603-26128 121**:

Imbas kod QR untuk mendapatkan lebih banyak cara untuk menghubungi kami:



UOB.my/contactus

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk naskhah insureinfo berkenaan 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan ejen insurans.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami:

**Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty General Insurance Berhad**

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela

Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2268 3333 or 1-300-888-990

E- mel: customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA JUGA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SERTA BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terdapat di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac, 2024.